



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
ISTANA KEHAKIMAN  
PUTRAJAYA**

**KENYATAAN MEDIA**

**PENGENDALIAN KES-KES DI MAHKAMAH KOTA KINABALU SELARAS  
DENGAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (“PKPB”)  
DARI 7 OKTOBER 2020**

Selaras dengan pengumuman oleh Menteri Kanan Pertahanan, YB Datuk Seri Ismail Sabri bin Yaakob pada 5 Oktober 2020 mengenai pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (“PKPB”) di Kota Kinabalu, Penampang dan Putatan yang berkuatkuasa pada 7 Oktober 2020, Mahkamah Kota Kinabalu akan mengendalikan kes-kes mengikut **Panduan Pengendalian Kes-Kes di Mahkamah Seluruh Malaysia Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit 1988 dan Akta Polis 1967** yang dikeluarkan oleh Pejabat ini pada 17 Mac 2020 bermula 7 Oktober 2020 sehingga tarikh yang akan dimaklumkan kelak mengikut kesesuaian dan tertakluk kepada pengumuman dari semasa ke semasa oleh Kerajaan Persekutuan.

Sekiranya agensi kerajaan, peguam dan orang awam mempunyai sebarang pertanyaan mengenai perkara di atas, bolehlah menghubungi Pendaftar Mahkamah seperti berikut:

- (i) **Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak**  
Nama: Puan Amelati Anak Parnell  
E-mel: amelati@kehakiman.gov.my  
Telefon: 082-311373

**(ii) Pendaftar Mahkamah Rendah Sabah dan Sarawak**

Nama: Tuan Jason Juga

E-mel: jason@kehakiman.gov.my

No. Telefon: 082-442228

Terima kasih.

**Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
Putrajaya**

**Tarikh: 5 Oktober 2020**